

Padang Merbok dipasang pagar besi elak kerosakan

Kuala Lumpur: Pemasangan pagar besi di Padang Merbok, sebahagian daripada kaedah penjagaan kawasan berkenaan, bagi memastikan keadaan terbaik dan boleh digunakan secara optimum.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata penggunaan padang tanpa kawalan dan sistem teratur sebelum ini mengakibatkan kawasan hijau itu sering rosak, sekali gus menelan kos baik pulih dan naik taraf yang tinggi.

“Dengan pagar itu, saya yakin penjagaan padang akan lebih sempurna dan terkawal, dan sesiapa saja boleh membuat tempahan untuk menggunakan padang.

“Orang nak masuk pun kita boleh uruskan dengan baik, ada giliran. Kalau padang tu rosak kita tutup sekejap, baiki dan selenggara sebelum dibuka balik, saya rasa ia akan lebih terkawal dan terjamin,” katanya.

Kelmarin, media melaporkan dua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan meminta penjelasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkenaan tindakan mendirikan pagar berstruktur kekal setinggi sekitar lima kaki (1.5 meter) di sekeliling padang itu.

Antara yang dipersoal, termasuk pagar berkenaan dilihat menghalang warga kota menggunakan kemudahan awam,

“Dengan pagar itu, saya yakin penjagaan padang akan lebih sempurna dan terkawal, dan sesiapa saja boleh membuat tempahan untuk menggunakan padang.”

Mahadi Che Ngah,
Datuk Bandar
Kuala Lumpur




selain menghalang daripada berkumpul sebelum berjalan ke bangunan Parlimen bagi menghantar memorandum atau melalui protes.

Mengulas lanjut, Mahadi berkata, orang ramai masih dibenarkan menggunakan padang itu dengan kebenaran secara berjadual dan pendekatan serupa juga pernah dilaksanakan di beberapa kawasan lain bagi tujuan sama.

Katanya, padang berkenaan yang juga mengalami isu saluran, masih menjalani kerja naik taraf dan belum dibuka kepada orang ramai.

BERNAMA



Pagar besi dipasang di Padang Merbok bagi menjaga kawasan berkenaan dalam keadaan terbaik dan boleh digunakan secara optimum.

(Foto FB Hannah Yeoh)